

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 16/7/2008

Muhyiddin berpeluang menang – Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 15 Julai – Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin mempunyai peluang yang lebih cerah untuk memenangi jawatan Timbalan Presiden UMNO sekiranya pemilihan bagi jawatan itu dibuat secara terbuka.

Bekas Presiden UMNO, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, kini wujud tanggapan umum yang melihat Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai seorang pemimpin

yang lemah dan tidak pernah mempunyai pendirian sendiri.

“Dia (Najib) hanya cakap, selalu cakap, saya sokong, saya sokong, saya terharu. Tetapi dia tidak pernah sebut apa-apa mengenai hasrat rakyat terhadapnya atau bagaimana dia menghormati mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Pejabat Pen-

tadbiran dan Biro Pengaduan Awam Kongres India Muslim Malaysia (KIM-MA) di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, keputusan Najib untuk mempertahankan jawatan Timbalan Presiden UMNO bermakna beliau mungkin terpaksa berdepan dengan Muhyiddin.

“Mengikut amalan UMNO, Najib tidak lagi boleh menjadi Timbalan Perdana Menteri sekiranya dia kalah,” jelasnya.